



KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

Director General of Social Welfare

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Department of Social Welfare

Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,

Presint 4,

62100 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel.: 603-8323 1656/ 1658/ 1777

Faks (Fax): 603-8323 2092

Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Rujukan Kami: JKM/100/03/1/ JLD.6 (24)

Tarikh: 4 November 2022

Semua Pengarah Bahagian JKM

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri

Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur/ Labuan

Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah

Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian

SURAT PEKELILING

KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

BIL. 11 TAHUN 2022

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SUKARELAWAN
JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan mengenai garis panduan melaksanakan pengurusan permohonan sukarelawan Japan International Cooperation Agency (JICA).

PELAKSANAAN

2. Pengurusan Permohonan Sukarelawan JICA di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV) dan Japan Senior Volunteer (JSV) hendaklah dilaksanakan berpandukan Garis Panduan Permohonan Sukarelawan Japan International Cooperation Agency (JICA) seperti di **Lampiran 1- JKM/100/03/1/JLD.6(24)**.
3. Garis panduan ini merupakan panduan kepada Bahagian di Ibu Pejabat JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian (PejKMD) dan Institusi JKM dalam;
 - 3.1 membuat pertimbangan tindakan yang perlu diambil sebelum membuat permohonan;
 - 3.2 membuat tindakan proses yang perlu diambil semasa membuat permohonan; dan
 - 3.3 melaksanakan tanggungjawab yang perlu diambil sewaktu menerima sukarelawan.
4. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling atau peraturan yang sedang berkuatkuasa.

5. Garis Panduan Permohonan Sukarelawan Japan International Cooperation Agency (JICA) ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Bahagian di Ibu Pejabat JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan(JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian (PejKMD) dan Institusi JKM yang berhasrat untuk memohon sukarelawan JICA dalam menambahbaik perkhidmatan masing-masing.

TARIKH KUATKUASA

6. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **15 November 2022**.

Sekian, terima kasih

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT

s.k

- i. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), JKM
- iii. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JKM



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN SUKARELAWAN
JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)**

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKASURAT
1.	Muka Depan	1
2.	Kandungan	2
3.	Tujuan	3
4.	Tafsiran	3
5.	Latar Belakang	5
6.	Punca Kuasa	6
7.	Objektif	6
8.	Perkhidmatan Sukarelawan JICA	7
9.	Permohonan Sukarelawan JICA	7
10.	Tanggungjawab Pengarah Bahagian/Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, Ketua Insitusi	10
11.	Tanggungjawab Sukarelawan JICA	11
12.	Tiada Pengecualian Undang-Undang	12
13.	Permohonan Lanjutan Perkhidmatan	12
14.	Rekod dan Pelaporan	12
15.	Penutup	12
16.	Carta Alir Permohonan Sukarelawan JICA oleh Bahagian di Ibu Pejabat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, Institusi	13
BORANG		
17.	Borang 1 – Request For Japanese Volunteer	15
	Borang 2 – Penyata Perangkaan Program Sukarelawan JICA	19
LAMPIRAN		
18.	Lampiran 1 - Surat Kemudahan dan Kelayakan Bagi Sukarelawan Jepun di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteer (JOCV) dan Japan Senior Volunteer (JSV)	21
	Lampiran 2 - Record of Discussions on Senior Volunteer Programme of Japan Between The Japan International Cooperation Agency and The Economic Planning Unit, Prime Minister's Departement, Malaysia, 1991	23
	Lampiran 3 - Memorandum Concerning The Despatch Programme Of The Japan Overseas Co-Operation Volunteers, 1965	28
	Lampiran 4 - Contoh Jadual Perancangan Kerja Terperinci Sukarelawan Jepun Bagi Tempoh 2 Tahun	38
	Lampiran 5 – Panduan Mengisi Borang Permohonan Sukarelawan Jepun	39
	Lampiran 6 - Contoh Permohonan Request For Japanese Volunteer	40
	Lampiran 7 - Format Laporan Akhir	51
	Lampiran 8 - Soalan Lazim	52

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SUKARELAWAN JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pengurusan permohonan Sukarelawan Japan International Cooperation Agency (JICA) di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Sukarelawan Jepun di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV) dan Japan Senior Volunteer (JSV) dikendalikan dengan cekap dan berkesan.

TAFSIRAN

2. Tafsiran bagi Garis Panduan ini adalah seperti berikut:

2.1 Japan International Cooperation Agency (JICA)

JICA adalah agensi kerajaan Jepun yang memberi Bantuan Pembangunan Kerajaan Jepun kepada negara sedang membangun bagi pembangunan ekonomi dan sosial serta mempromosi kerjasama antarabangsa.

2.2 Sukarelawan JICA

Sukarelawan JICA adalah warganegara Jepun yang direkrut oleh JICA untuk bertugas di negara membangun. Padanan sukarelawan dengan negara tempat bertugas adalah mengikut kemahiran, pengetahuan atau pengalaman sukarelawan dengan keperluan negara yang memohon khidmat sukarelawan serta minat sukarelawan untuk membantu masyarakat di negara berkenaan.

Sukarelawan JICA yang ditempatkan bersama JKM adalah seperti berikut:

- a. Japan Overseas Cooperation Volunteer (JOCV) iaitu sukarelawan Jepun yang berumur antara 20 hingga 69 tahun, mempunyai pendidikan ijazah pertama dan ke atas, dan boleh bertutur dalam bahasa tempatan. Sukarelawan ini mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan lebih daripada tiga (3) tahun dan tempoh perkhidmatan sukarelawan skim ini adalah satu (1) hingga dua (2) tahun.
- b. Japan Senior Volunteer (JSV) adalah sukarelawan Jepun yang juga berumur antara 20 hingga 69 tahun, mempunyai pendidikan ijazah pertama dan ke atas, dan boleh bertutur dalam bahasa tempatan atau bahasa inggeris serta

mempunyai pengalaman bekerja lebih daripada 15 tahun. Tempoh perkhidmatan sukarelawan skim ini adalah satu (1) hingga dua (2) tahun.

2.3 Pegawai Saingan (*Counterpart*)

Pegawai saingan adalah pegawai/ kakitangan tempatan yang dilantik oleh ketua tempat sukarelawan bertugas dan ditempatkan sepenuh masa bersama dengan sukarelawan JICA bagi memastikan JKM mendapat faedah sepenuhnya dari segi pengetahuan serta pemindahan teknologi.

2.4 Kumpulan Sasar Jabatan

Kumpulan sasaran adalah golongan yang memerlukan berlandaskan lima teras utama perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian iaitu Kanak-Kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Papa, Mangsa Bencana, Mangsa Keganasan Rumah Tangga, Pesalah Muda Perintah Khidmat Masyarakat dan Mangsa Perdagangan Orang.

a. Institusi Kebajikan

Institusi Kebajikan adalah tempat untuk perlindungan, penjagaan, pemeliharaan dan pemulihan kepada kumpulan sasaran di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

b. Pemulihan Dalam Komuniti

PDK adalah program dalam komuniti untuk golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat dengan memberi peluang kepada OKU menjalani pemulihan, mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat. Program ini dikendalikan oleh jawatankuasa komuniti setempat yang menerima geran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

c. Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK)

PAKK adalah pusat yang ditubuhkan sebagai satu usaha yang menyeluruh dan lebih sistematik dan berkesan dalam usaha mencegah ke penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. PAKK melaksanakan perkhidmatan sokongan anjuran Pasukan Pelindungan Kanak-kanak yang menerima geran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

d. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

PAWE adalah pusat yang ditubuhkan bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan perkhidmatan berbentuk pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan (*developmental*) kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). PAWE ini menerima geran tahunan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

LATAR BELAKANG

3. Kerajaan Malaysia dan Jepun telah menandatangani Perjanjian Program Sukarelawan Jepun di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV) dan Japan Senior Volunteer (JSV) pada Disember 1965. Program ini merupakan kerjasama teknikal antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun yang telah mencapai persefahaman serta komited dalam pengurusan kehadiran sukarelawan JICA di Malaysia. Malaysia merupakan negara ketiga yang membuat perjanjian penghantaran sukarelawan selepas Laos dan Kemboja (Cambodia).

4. Kumpulan sukarelawan pertama seramai lima (5) orang telah tiba di Malaysia pada Januari 1966 dan ditempatkan di Kementerian Belia dan Sukan, dan Biro Pertanian Sabah seperti Jadual 1.

BIL.	AGENSI	BIDANG	SUKARELAWAN (ORANG)
1.	Ibu Pejabat Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	Pendidikan Jasmani	1
2.	Sekolah Pertanian KBS	Tanaman Sayuran	2
3.	Biro Pertanian Sabah	Tanaman Padi	2

Jadual 1: Bilangan sukarelawan mengikut agensi dan bidang.

5. Bidang perkhidmatan sukarelawan ini juga telah ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Jadual 2 menunjukkan bidang perkhidmatan mengikut tempoh dari tahun 1966 hingga sekarang.

BIDANG	TEMPOH
- Sukan - Pertanian - Latihan Vokasional	Pertama 1966 hingga awal 1970an
	Kedua Pertengahan 1970an hingga 1980an
- Pendidikan Bahasa Jepun - Latihan Vokasional - Pendidikan TADIK - Perhutanan - Perikanan	Ketiga 1981 hingga pertengahan 1990an
- Kebajikan Masyarakat Orang Kurang Upaya - Pemuliharaan Alam Sekitar - Pembangunan Sumber Manusia	Keempat Pertengahan 1990an hingga sekarang

Jadual 2: Bidang perkhidmatan mengikut tempoh dari tahun 1966 hingga sekarang.

6. Sukarelawan JICA telah dihantar ke JKM sejak tempoh kedua iaitu pada tahun 1976 dan berkhidmat kepada kumpulan sasar OKU melalui pelbagai bidang kepakaran seperti fisioterapi, kebajikan sosial, sukan dan pendidikan.

7. Pembahagian tanggungjawab JICA dan JKM dalam pengurusan kehadiran sukarelawan JICA adalah seperti Jadual 3.

AGENSI	TANGGUNGJAWAB
JICA	Perbelanjaan penerbangan
	Elaun Sara Hidup
	Elaun Perumahan/ Penginapan
JKM	Mendapatkan rumah bersesuaian
	Ruang tempat kerja
	Perbelanjaan aktiviti (termasuk perbelanjaan pengangkutan berkaitan aktiviti tugasan)
	Perbelanjaan peralatan

Jadual 3: Tanggungjawab JICA dan JKM

PUNCA KUASA

8. Unit Perancang Ekonomi(UPE) telah mengeluarkan surat Kemudahan dan Kelayakan Bagi Sukarelawan Jepun di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteer (JOCV) dan Japan Senior Volunteer (JSV), rujukan (79) dlm.UPE(S)40/240/2 Vol. XI.II bertarikh 8 Mei 2006 yang menyatakan:

- a. Kemudahan dan pengecualian cukai;
- b. Pemakaian Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1979 mengenai Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pakar-pakar Asing Yang Berkhidmat di Malaysia;
- c. Pelantikan seorang pegawai saingan (*counterpart*) sepenuh masa bagi mendapat faedah sepenuhnya dari segi pemindahan teknologi.

9. Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Kebajikan Masyarakat Bil. 2/2018 bertarikh 14 Mei 2018 telah memutuskan perkhidmatan sukarelawan ini diperluaskan kepada kumpulan sasar warga emas dan kanak-kanak serta bidang perkhidmatan baharu seperti keusahawan sosial, khidmat bantu di rumah dan program pemerkasaan ekonomi. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Kebajikan Masyarakat Bil.4/2022 pada 6 Oktober 2022 telah meluluskan garis panduan ini sebagai panduan pengurusan permohonan sukarelawan JICA.

OBJEKTIF

10. Objektif perkhidmatan Sukarelawan JICA adalah seperti berikut:

- a. Menambahbaik perkhidmatan kepada kumpulan sasar Jabatan melalui perkongsian pengetahuan dan kemahiran negara Jepun;
- b. Menyokong aktiviti masyarakat yang bekerjasama dalam pembangunan ekonomi dan sosial serta pembinaan semula negara-negara membangun; dan
- c. Memberi pengalaman berharga dalam aspek hubungan antarabangsa, persefahaman bersama dan peluang perspektif antarabangsa sukarelawan Jepun.

PERKHIDMATAN SUKARELAWAN JICA

11. Perkhidmatan Sukarelawan JICA adalah seperti berikut:

a. Sukarelawan Bersama Komuniti Tempatan

Tema program sukarelawan JICA adalah “Bersama-sama Dengan Komuniti Tempatan”. Sukarelawan tinggal dalam komuniti, bertutur dalam bahasa yang sama dan berkhidmat di peringkat akar umbi dengan menjalankan aktiviti bersama masyarakat setempat. Sukarelawan memfokus kepada pemupukan semangat berdikari demi komuniti yang lebih mampan.

b. Sukarelawan Mendalami Komuniti Tempatan

Sukarelawan berkongsi pengalaman dan memindahkan pengetahuan dan teknologi kepada komuniti tempatan dengan mendalami serta bekerjasama dengan komuniti tempatan untuk berkongsi hari esok yang lebih baik.

c. Kelestarian Dalam Komuniti Setempat

Sukarelawan mengenal pasti keperluan komuniti tempatan dan memberi pandangan yang sesuai dalam memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya.

PERMOHONAN SUKARELAWAN JICA

12. Permohonan sukarelawan JICA terbuka kepada semua Bahagian di Ibu Pejabat JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/ Wilayah Persekutuan (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian (PejKMD) dan Institusi JKM. Permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (P(DHA)) untuk semakan dan seterusnya diangkat kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat serta dihantar kepada JICA. Setelah JICA membuat semakan, permohonan ini dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri/

Unit Perancang Ekonomi Sarawak/ Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sabah.

13. Permohonan sukarelawan JICA dibuka sepanjang tahun. Namun begitu pihak JICA hanya memproses permohonan tersebut dua (2) kali setahun iaitu pada Mac hingga Mei dan September hingga November.

Prapermohonan

14. Sebelum mengemukakan permohonan, Pengarah Bahagian (PB), Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/ Wilayah Persekutuan (PKMN), Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian (PKMD) atau Ketua Institusi perlu mengambil tindakan seperti berikut:

a. Menyediakan Rancangan Kerja

- i. Menyatakan matlamat projek/ program yang hendak dicapai yang memerlukan perkhidmatan sukarelawan.
- ii. Menyenaraikan senarai tugas sukarelawan bagi tempoh dua (2) tahun perkhidmatan dengan mengambil kira peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi dari semasa ke semasa.
- iii. Format penyediaan rancangan kerja adalah mengikut Perkara 2(3) dalam borang Request For Japanese Volunteer.

b. Mengenal Pasti Pegawai Saingan (*Counterpart*)

- i. Mengenal pasti sekurang-kurangnya seorang atau lebih pegawai saingan untuk bekerjasama dengan sukarelawan bagi menerima pengetahuan, kemahiran dan atau pemindahan teknologi daripada sukarelawan tersebut.

c. Menyedia Dan Mengemukakan Permohonan Peruntukan

- i. Menyediakan senarai peralatan keperluan aktiviti sukarelawan dan anggaran kos seperti pembelian peralatan asas, faks mili, elaun perjalanan dan lain-lain. Senarai peralatan ini perlu dilampirkan bersama borang permohonan.

d. Mengenal Pasti Ruang Kerja

- i. Menyediakan ruang kerja yang dilengkapi meja, kerusi, talian telefon, komputer, kemudahan internet dan lain-lain keperluan sukarelawan.

Mengemukakan permohonan Sukarelawan JICA Kepada Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (DHA)

15. Setelah rancangan kerja, ruang kerja, rakan sejawat tempatan dan permohonan peruntukan siap disedia atau ditetapkan, PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi perlu melengkapkan borang Request For Japanese Volunteer.

- a. Permohonan daripada PKMD/ Ketua Institusi hendaklah dihantar kepada PKMN untuk disemak dan ditandatangani oleh PKMN.
- b. Permohonan daripada Bahagian Ibu Pejabat JKM hendaklah disemak dan ditandatangani oleh PB.

Nota: Borang Request For Japanese Volunteer dan Panduan Mengisi Borang Permohonan Sukarelawan Jepun boleh dimuat turun daripada laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat.

16. Dokumen Request For Japanese Volunteer yang telah disemak dan ditandatangani oleh PB/ PKMN perlu dihantar kepada Bahagian DHA berserta memo/ surat iringan.

Menerima Dokumen Request For Japanese Volunteer

17. Setelah dokumen Request For Japanese Volunteer diterima, Pegawai Yang Bertanggungjawab (PYB) Bahagian DHA akan membuat semakan dan mengemukakan dokumen permohonan kepada Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) (TKP(S)) untuk sokongan, dan seterusnya dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM) untuk kelulusan.

18. Setelah permohonan sukarelawan diluluskan oleh KPKM, dokumen Request For Japanese Volunteer perlu dihantar kepada JICA yang akan membuat semakan dan lawatan lapangan (jika perlu).

19. Pihak JICA akan membuat semakan permohonan. Jika ada pertanyaan lanjut, pihak JICA akan menghubungi terus Bahagian/ JKMN yang berkaitan.

20. Seterusnya Bahagian DHA menghantar dokumen permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi dengan satu (1) salinan dihantar kepada JICA dan PB/ PKMN berkaitan.

- a. Permohonan daripada PKMD/ Ketua Institusi/ PKMN/ PB hendaklah dihantar kepada Pengarah Bahagian Kerjasama Antarabangsa, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- b. Permohonan daripada PKMN Sarawak dihantar kepada Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Sarawak.
- c. Permohonan daripada PKMN Sabah dihantar kepada Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sabah.

TANGGUNGJAWAB PENGARAH BAHAGIAN (PB)/ PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN (PKMN)/ PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/BAHAGIAN (PKMD)/ KETUA INSTITUSI

21. Apabila UPE melaksanakan proses tapisan keselamatan dengan pihak berkuasa berkaitan dan permohonan sukarelawan JICA diluluskan, PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi hendaklah mengambil tindakan dan memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut:

a. Kemudahan penginapan

Mengenal pasti dan mengesahkan cadangan kemudahan penginapan untuk sukarelawan. Keutamaan bagi kemudahan kuarters dan memaklumkan kuarters tersebut mempunyai kelengkapan perabot atau tidak. Sekiranya tiada kuarters, PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi perlu membantu sukarelawan mendapatkan rumah yang sesuai.

b. Kemudahan pengangkutan

Membantu menyediakan atau mengaturkan pengangkutan untuk sukarelawan pergi dan balik dari tempat penginapan ke tempat kerja bagi tempoh dua (2) hingga tiga (3) bulan pertama sehingga mereka dapat menguruskan sendiri pengangkutan.

c. Kad pekerja/ pengenalan diri

Menyediakan kad pekerja/ pengenalan diri sukarelawan berkenaan.

d. Membuka akaun bank

Membantu sukarelawan untuk membuka akaun bank, dengan keutamaan membuka akaun Maybank.

e. Permohonan VISA

Membantu sukarelawan dalam permohonan VISA bagi sukarelawan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

f. Kemudahan Cuti

Memberi kemudahan cuti dan menetapkan bilangan hari cuti. Bilangan hari cuti boleh ditetapkan berdasarkan pengalaman dan profesional sukarelawan. Kemudahan cuti ini tidak termasuk kebenaran cuti ke luar negara untuk lawatan sambil belajar sebanyak 20 hari setahun.

g. Kemudahan penginapan dan elaun pengangkutan bagi tujuan rasmi

Menyediakan penginapan dan elaun pengangkutan bagi sukarelawan yang dihantar bertugas di luar kawasan atas urusan rasmi mengikut bilangan hari arahan bertugas.

TANGGUNGJAWAB SUKARELAWAN JICA

22. Tanggungjawab Sukarelawan JICA yang ditempatkan di Ibu Pejabat JKM/ JKMN/ PejKMD/ Institusi adalah seperti berikut:

a. Menyediakan Pelan Kerja

Sukarelawan perlu mengemukakan pelan kerja dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh melapor diri di tempat kerja. Pelan kerja ini disediakan berdasarkan keperluan permohonan dan hasil perbincangan lanjut bersama rakan sejawat dan PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi tempat sukarelawan bertugas.

b. Menyediakan Laporan Berkala

Sukarelawan perlu mengemukakan laporan kemajuan kerja secara berkala mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan hasil perbincangan dengan PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi tempat sukarelawan bertugas. Laporan tersebut perlu disalinkan kepada PB berkaitan serta Bahagian DHA.

c. Mematuhi Peraturan-peraturan Tempat Kerja

Sukarelawan perlu mematuhi peraturan-peraturan tempat kerja yang telah ditetapkan. PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi tempat sukarelawan bertugas adalah digalakkan menyenaraikan peraturan termasuk perjanjian khas seperti kemudahan cuti, waktu dan bilangan hari bekerja. Persetujuan tersebut perlu ditandatangani oleh sukarelawan dan PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi berkaitan.

d. Memohon Kebenaran Cuti

Sukarelawan perlu mengemukakan permohonan bercuti dalam tempoh tiga (3) hari sebelum mula bercuti dengan PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi tempat sukarelawan bertugas. Bagi permohonan ke luar negara, sukarelawan perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi dan seterusnya permohonan dihantar kepada JICA. JICA memperuntukkan maksimum 20 hari untuk sukarelawan membuat lawatan lapangan di luar negara.

TIADA PENGECEUALIAN UNDANG-UNDANG

23. Seseorang sukarelawan tidak dikecualikan dari undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di Malaysia termasuk yang berkaitan dengan perkara-perkara/ dokumen-dokumen terhad. Dalam menjalankan tugasnya, beliau dikehendaki memberi perhatian penuh kepada undang-undang tersebut. (Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1979, Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pakar-Pakar Asing Yang Berkhidmat di Malaysia)

PERMOHONAN LANJUTAN PERKHIDMATAN

24. Pada asasnya, tiada lanjutan perkhidmatan untuk sukarelawan. Sekiranya khidmat sukarelawan masih diperlukan, PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi boleh mengemukakan permohonan bertulis kepada P(DHA) untuk dihantar kepada JICA atau PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi mengemukakan permohonan baharu.

REKOD DAN PELAPORAN

25. PB/ PKMN/ PKMD/ Ketua Institusi perlu mengemukakan Pelaporan Penyata Perangkaan Program Sukarelawan JICA kepada Bahagian DHA yang meliputi butiran seperti berikut:

- a. Maklumat sukarelawan JOCV;
- b. Maklumat sukarelawan JSV;
- c. Maklumat sukarelawan JOCV, kumpulan sasar, bidang perkhidmatan, tempoh dan tempat bertugas; dan
- d. Maklumat sukarelawan JSV, kumpulan sasar, bidang perkhidmatan, tempoh dan tempat bertugas.

26. Laporan akhir Sukarelawan.


PENUTUP

27. Garis Panduan Pengurusan Sukarelawan JICA hendaklah dipatuhi bagi melancarkan perkongsian pengetahuan dan kemahiran negara Jepun dalam memberi perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti kepada kumpulan sasar Jabatan.

CARTA ALIR
PERMOHONAN SUKARELAWAN JICA OLEH BAHAGIAN DI IBU PEJABAT,
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN,
PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/ BAHAGIAN, INSTITUSI


TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



Menyemak dokumen Request for Japanese Volunteer

Memaklumkan keputusan Tidak Sokong kepada P(B)/ PKMN berkaitan

Menyedia Minit Bebas dan menghantar dokumen Request for Japanese Volunteer kepada KPKM untuk kelulusan

Menyemak dokumen Request for Japanese Volunteer

Memaklumkan keputusan Tidak Lulus kepada P(B)/ PKMN berkaitan

Menghantar surat/ e-mel kepada JICA untuk semakan dan lawatan lapangan (jika perlu)

Semakan dokumen Request for Japanese Volunteer oleh JICA

Menghantar surat berserta dokumen Request for Japanese Volunteer kepada Unit Perancang Ekonomi untuk kelulusan dan Salinan Kepada JICA/ P(B)/ PKMN berkaitan

Menerima surat keputusan lulus/ tidak lulus daripada Unit Perancang Ekonomi

Memaklumkan keputusan kepada P(B)/ PKMN berkaitan.

Membuat persediaan sukarelawan menerima

REQUEST FOR JAPANESE VOLUNTEER

1. GENERAL INFORMATION

- (1) Name, address and telephone number of the organization which requests the Volunteer:
- (2) Function and major activities of the organization: (** preferably with an organizational structure chart*)
(*Compulsory to explain the above in full details and point form. Date of establishment*)
- (3) Annual budget of the organization:
(*Compulsory to indicate*)
- (4) Name of requesting ministry and department / division / unit to which the volunteer is attached:
(If you are NGO, please specify the NGO name and to which ministry you are registered with)
- (5) Number of volunteers required in this field:
(One request form for one specific technical field)

2. JOB DESCRIPTION OF THE VOLUNTEER

- (1) Reasons for the request for the Volunteer:
What (What are the problems in the organization? How? (How to solve the problems) Why? (The reason you need the JOCV/SV)
- (2) Post to be given to the Volunteer:
- (3) Actual work to be requested to the Volunteer:
(*Detailed job description describing the task, objectives, information on program/project assisting by Volunteer and activities, including guidelines and SOP for activities during new normal conditions*)

(*Proposed Volunteer's Workplan*)

<i>Program/Project Objectives</i>	<i>Expected Output of Volunteer Assistance</i>	<i>New Normal Volunteer Activities (Including Guidelines & SOP)</i>	<i>Implementation Period</i>	<i>Funding Allocation & Source</i>

(4) Expected output of the assignment:

(5) Equipment available for the Volunteer that already exists (model, maker, etc.):

List of Equipment	Quantity	Model	Maker

3. OFFICERS OF THE REQUESTING ORGANIZATION

(1) Name and position of the supervisor whom the Volunteer can get access to:

Name	Position & Expertise	Dept or Unit	Age	Gender	Years of experience & qualification	Telephone Fax Mobile Emails

(2) Staffs / colleagues (e.g. age, number, educational background, technical experience, position):

Name	Position & Expertise	Dept or Unit	Age	Gender	Years of experience & qualification	Telephone Fax Mobile Emails

(3) Technical level of the people whom the Volunteer works with (e.g. students, trainees, farmers):

Example

Co-Worker	Division, Department Unit, Center or institute	Total	Technica/Educationl Level	Average age	Gender

4. REQUIREMENT FOR THE VOLUNTEER

(1) Technical field:

(2) Sex (specify if either sex should be excluded):

(3) Type of assignment (New / Extension / Successor):

(* If the type is "Extension" or "Successor", please indicate whose extension or successor and the current status or achievement on program/project/activities.)

Project Assisted	Name(s) of Volunteer/ Period of Volunteers Assignment	Activities and Outputs of Volunteers	Status of Project

(4) Expected date and period of assignment:

(5) Required minimum educational background:

(6) Required minimum technical experience (year):

(7) Other qualification and experience (if any):

(8) Language (name, level):

5. FACILITIES TO BE PROVIDED TO THE VOLUNTEER

(1) Accommodation (Staff Quarter):

☐ will be provided free

Full furnished / Semi-furnished / Not furnished
Electricity available / Not available

(2) Accommodation (Staff Quarter):

☐ will be on rental basis

Full furnished / Semi-furnished / Not furnished
Electricity available / Not available
Rental fees: RM

(3) Accommodation (Renting outside)

☐ will be subsidized

Full furnished / Semi-furnished / Not furnished
Electricity available / Not available
Subsidized amount: RM

(4) Geography:

From the city of (name) _____, ____km
By the means of _____, ____hour(s)

(5) Transport:

- ☐ will be provided free, when official
- ☐ will be subsidized
- ☐ will not be provided

(6) Medical care:

- ☐ will be provided free at
- ☐ otherwise (please specify)

(7) Authorized annual leave:

(8) Working hour:

6. OTHER INFORMATION (FOREIGN ASSISTANCE)

- ☐ Financial support ---- Name of the country
Approximate amount
- ☐ Expert(s) ----- Name of organization
- ☐ Volunteer(s) ----- Name of organization

7. CORRESPONDENCE

** Name and address of the official to whom correspondence regarding this application should be forwarded.*

(Date)

(Signature)

(Name)

(TITLE, MINISTRY)

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
PENYATA PERANGKAAAN PROGRAM SUKARELAWAN JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)

NEGERI: **LAPORAN SETENGAH TAHUN : PERTAMA / KEDUA**
TAHUN :

BAHAGIAN A : MAKLUMAT SUKARELAWAN

Jadual 1 : Latar Belakang Japan Overseas Cooperation Volunteer

BIL	NAMA	NO. BATCH	UMUR	JANTINA	PENDIDIKAN	PENGALAMAN

Jadual 2 : Latar Belakang Senior Volunteer

BIL	NAMA	NO. BATCH	UMUR	JANTINA	PENDIDIKAN	PENGALAMAN

BAHAGIAN B : MAKLUMAT SUKARELAWAN, KUMPULAN SASAR, BIDANG PERKHIDMATAN TEMPOH DAN TEMPAT BERTUGAS

Jadual 1 : Senarai Sukarelawan JOCV, Kumpulan Sasar, Bidang Perkhidmatan, Tempoh dan Tempat Bertugas

BIL	NAMA	NO. BATCH	KUMPULAN SASAR	BIDANG PERKHIDMATAN	TEMPOH	TEMPAT BERTUGAS

Jadual 2 : Senarai Sukarelawan JSV, Kumpulan Sasar, Bidang Perkhidmatan, Tempoh dan Tempat Bertugas

BIL	NAMA	NO. BATCH	KUMPULAN SASAR	BIDANG PERKHIDMATAN	TEMPOH	TEMPAT BERTUGAS

Lampiran 1

**Surat Pekeliling Kemudahan dan Kelayakan Bagi Sukarelawan Jepun di bawah
Skim Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV) dan Japan Senior
Volunteer, 2006**



UNIT PERANCANG EKONOMI
Economic Planning Unit
JADUAN PERDANA MENTERI
Prime Minister's Department
BLOK B5 & B6,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon: 89555177
Fax:

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: (24)dlm.UPE(S) 40/240/
Our Ref: 2 Vol. XLII
Tarikh: 8 Mei 2006
Date:

Semua Ketua Jabatan/ Agensi/ Institusi yang berkenaan

Y.Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**Kemudahan dan Kelayakan Bagi Sukarelawan Jepun
di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV)
dan Japan Senior Volunteer (JSV)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkhidmatan Sukarelawan Jepun di bawah Skim Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV) dan Japan Senior Volunteer (JSV) yang telah/ akan berkhidmat di Jabatan Y.Bhg. Dato'/tuan/puan.

2. Seperti Y.Bhg. Dato'/tuan/puan maklum, skim JOCV dan JSV adalah termasuk di bawah kerjasama teknikal Malaysia-Jepun dan dengan itu, sukarelawan tersebut adalah layak diberikan beberapa kemudahan dan pengecualian cukai bagi menyokong perkhidmatan mereka. Di dalam Memorandum mengenai penghantaran JOCV pada tahun 1965 dan *Record of Discussion* mengenai penghantaran JSV pada tahun 1991, telah digariskan beberapa kemudahan dan pengecualian cukai yang layak dinikmati oleh sukarelawan di bawah skim JOCV dan JSV. Kemudahan dan pengecualian cukai tersebut ialah seperti berikut :

- a. Pengecualian cukai pendapatan;
- b. Pengecualian duti kastam/ eksais dan cukai jualan terhadap peralatan yang berkaitan dengan tugas dan peralatan persendirian/keluarga untuk tujuan kegunaan persendirian/ keluarga;
- c. Membuat tuntutan elaun perjalanan dalam negeri sepertimana yang termaktub di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2006 (termasuk bayaran elaun makan, elaun harian, bayaran sewa hotel dan tuntutan perjalanan) mengikut yang layak diterima oleh pegawai Gred 'A' bergaji antara RM1,006 – RM1,804 atau RM1,805-2,865 bergantung kepada gaji pegawai saingan di mana sukarelawan itu ditempatkan.
- d. Mendapat rawatan perubatan dan pergigian di hospital Kerajaan dan sekiranya dimasukkan ke wad, kelas wad adalah mengikut kelayakan pegawai Gred 'A' bergaji antara RM1,006 – RM1,804 atau RM1,805-2,865 bergantung kepada gaji pegawai saingan di mana sukarelawan itu ditempatkan ; dan
- e. Mendapat kemudahan peralatan pejabat termasuk komputer, mesin pencetak, alat tulis dan sebagainya yang diperlukan mengikut bidang tugas sukarelawan.


3. Di samping itu, sukacita juga Y.Bhg. Dato/tuan/puan mengambil maklum mengenai Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1979 mengenai Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pakar-pakar Asing Yang Berkhidmat di Malaysia sebagai garis panduan am yang perlu diikuti. Y.Bhg. Dato/tuan/puan juga diminta memastikan terdapatnya seorang pegawai saingan ('counterpart') sepanjang masa bagi mendapat faedah sepenuhnya dari segi pemindahan teknologi oleh sukarelawan tersebut kepada Jabatan Y.Bhg. Dato/tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling-pekeliling yang dinyatakan.

4. Kerjasama Y.Bhg. Dato/tuan/puan dalam memastikan perkara-perkara di perenggan 2 dan 3 di atas dilaksanakan terhadap sukarelawan samada yang telah ataupun akan berkhidmat di Jabatan Y.Bhg. Dato/tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(Patricia Chir-Yoon Mui)
b.p. Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi.


**Record of Discussions on Senior Volunteer Programme of Japan Between
The Japan International Cooperation Agency and The Economic Planning Unit,
Prime Minister's Department, Malaysia, 1991**

RECORD OF DISCUSSIONS
ON SENIOR VOLUNTEER PROGRAMME OF JAPAN
BETWEEN THE JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY
AND THE ECONOMIC PLANNING UNIT, PRIME MINISTER'S
DEPARTMENT, MALAYSIA

The Resident Representative of Japan International Cooperation Agency (hereinafter referred to as "JICA") in Malaysia had a series of discussions with the officials concerned of the Government of Malaysia concerning Senior Volunteer Programme of Japan with a view to promoting technical cooperation between the two countries.

As a result of the discussions, both parties agreed to recommend to their respective Governments the matters referred to in the document attached hereto:

March 15th, 1991


Mr. Kazuo Okabe
Resident Representative
JICA Malaysia Office, Japan


Dato' Mohd. Sheriff Bin Mohd. Kassim
Director-General
Economic Planning Unit
Prime Minister's Dept., Malaysia

- 2 -

ATTACHMENT

1. At the request of the Government of Malaysia and in accordance with the laws and regulations in force in Japan, the Government of Japan will dispatch the senior volunteers to Malaysia for the purpose of contributing to the social and economic development of Malaysia, in accordance with the schedules to be separately agreed upon by the two Governments.
2. The Government of Japan will bear the cost of international travel between Japan and Malaysia and living allowances in Malaysia for the senior volunteers and provide such equipment, machinery, materials, and medical supplies as necessary for the performance of their duties.
3. The Government of Malaysia will grant the senior volunteers and their families the following privileges, exemptions, and benefits :
 - (1) The exemption from customs duties, taxes and charges of any kind in respect of the equipment, machinery, materials, and medical supplies mentioned in 2 above.
 - (2) The exemption from customs duties, taxes and charges other than those for storage, cartage and similar services in respect of bona fide personal effects and essential basic household equipment brought into or

..3/

- 2 -

purchased in Malaysia for their own use or the use of their families provided that such personal effects and equipment are imported into Malaysia or purchased locally within a period of six (6) months from the date of their arrival in Malaysia.

Provided further that the exemptions are given subject to the following conditions :-

- (a) each senior volunteer is confined to only one unit or set or a reasonable number of any bona fide personal effects and household equipment to be imported or purchased locally ;
- (b) the personal effects and household equipment if imported shall be from Japan, or acquired from any other country while on transit to Malaysia ;
